



# Parkinson semuda 23 tahun

KOSMO 18/04/09 -19

## Penyakit Parkinson

- Kewujudan penyakit Parkinson mula diketahui sejak tahun 1817
- Ketika itu, doktor berbangsa Inggeris, James Parkinson menamakannya sebagai *shaking palsy*. Tetapi kemudiannya ia dikenali sebagai Parkinson, mengambil sempena namanya.
- Punca sebenar Parkinson tidak diketahui. Dunia perubatan secara amnya mendapati Parkinson terjadi kerana tahap dopamine yang rendah di dalam otak.
- Parkinson boleh diwarisi secara genetik sekali gus meletakkan sesetengah orang dalam kumpulan berisiko.
- Parkinson tidak boleh sembuh. Ia hanya boleh dikawal dengan ubat supaya pergerakan pesakit pulih dan tangan tidak mengeletar.
- Dari setahun ke setahun, gejala penyakit ini semakin bertambah. Pengambilan ubat pula bermula dari tiga atau empat kali sehari sehinggalah enam kali sehari.
- Ubat seperti madopar atau sinemet perlu diambil sebaik sahaja penyakit ini dikesan.
- Latihan fisioterapi untuk menguatkan otot dan melancarkan pergerakan badan perlu dilakukan oleh setiap pesakit.
- Pembedahan otak pallidotomy (pembedahan hanya dibenarkan selepas ubat tidak berkesan)
- Kaunseling dan sokongan keluarga penting untuk mengelakkan tekanan

HARI Parkinson Sedunia disambut pada 11 April setiap tahun. Ia bertujuan menyedarkan masyarakat dunia tentang penyakit Parkinson serta kesannya terhadap individu, keluarga dan masyarakat.

Ini kerana, masih ramai yang menganggap penyakit Parkinson sebagai penyakit biasa yang hanya dihidapi oleh golongan tua. Tetapi sebenarnya, individu semuda usia 23 tahun boleh menghidap penyakit Parkinson dan ia pernah berlaku di Malaysia.

Kira-kira 6.3 juta manusia di seluruh dunia menghidap Parkinson dan ketika ini masih tiada penawar bagi menyembuhkan penyakit tersebut. Rawatan yang ada sekarang, cuma untuk mengawal simptom berkenaan agar pesakit dapat menjalani hidup dengan lebih baik dan sempurna.

Penyakit Parkinson bukannya sejenis penyakit berjangkit. Penyakit itu adalah keadaan di mana daya kawalan otot seseorang merosot dengan teruknya sehinggakan penghidapnya tidak mampu mengurus diri sendiri.

Menurut Pakar Neurologi dan Pakar Perunding Pusat Perubatan Pantai, Dr. Chew Nee Kong, kesedaran mengenai penyakit itu di kalangan rakyat Malaysia masih rendah sekali gus menyumbang kepada diagnosis lewat atau tidak lengkap.

Katanya, sikap seperti itu membuatkan keadaan pesakit lebih teruk kerana tidak mendapatkan ubat lebih awal.

Dr. Nee Kong yang juga antara sekumpulan kecil pakar Parkinson di Malaysia memberitahu:

"Parkinson merupakan salah satu daripada penyakit paling kurang diketahui di Malaysia dan tanggapan umum bahawa ia hanya menyerang golongan warga emas adalah salah. "Usia, kaum dan jantina tidak men-



**MENTERI KESIHATAN, Datuk Liow Tiong Lai (kanan) turut hadir pada sambutan Hari Parkinson Sedunia 2009.**

jadi penghalang kepada Parkinson untuk menyerang seseorang. Antara lima hingga 10 peratus daripada pesakit menunjukkan simptom-simptom sebelum usia 40 tahun.

Dr. Nee Kong menambah, pengesanan awal adalah penting bagi memastikan pesakit menerima terapi secukupnya bagi menyekat penyakit itu daripada terus merebak.